

# Kabinet lulus tubuh Agensi Kelayakan Malaysia

UM-14/6/2007

PUTRAJAYA 13 Jun - Kabinet meluluskan penubuhan Agensi Kelayakan Malaysia (AKM) bagi menggantikan peranan Lembaga Akreditasi Negara (LAN), kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata, langkah itu juga bertujuan menyeragamkan proses pemantauan kualiti pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Menurut beliau, rang undang-undang penubuhan agensi itu dijangka dibentangkan pada sesi persidangan Dewan Rakyat bermula Isnin ini.

"Sepanjang 16 bulan lalu, kementerian telah mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan dan kita telah mengambil kira pandangan yang diberikan oleh badan-badan profesional dan kementerian lain.

"Saya harap rang undang-undang itu dapat dibentangkan bagi bacaan kali pertama di Parlimen dalam tempoh dua minggu akan datang," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, hari ini.

*Utusan Malaysia* difahamkan akta AKM akan membolehkan agensi itu diberikan kuasa yang lebih besar berbanding LAN.

Ia termasuk membolehkan AKM mengadakan proses penguatkuasaan terhadap mana-mana kursus di IPTA atau IPTS yang tidak memenuhi standard yang ditetapkan oleh kerajaan.

Ia juga diperuntukkan kuasa untuk menutup mana-mana institusi pengajian tinggi atau dikenakan undang-undang.